



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 53  
No. 12

**17hb Jun 2010**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 40.**

(Subseksyen 64(2))

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

(Subsection 64(2))

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahwasanya *President State Council* pada menjalankan kuasa yang terletak hak kepadanya oleh seksyen 17 *The Land Enactment 1356* telah mengisytiharkan perizaban tanah seperti yang diperihalkan dalam Jadual di bawah.

Dan bahwasanya, adalah kini didapati suaimanfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya sebahagian daripada perizaban tersebut dibatalkan.

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu mengenai cadangan untuk membatalkan sebahagian daripada perizaban tersebut setakat keluasan seperti yang diperihalkan dalam Jadual di bawah dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan ini akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perlis di suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perlis, Jalan Penjara, Kangar pada jam 10.00 pagi pada tarikh 22 Jun 2010.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

120

[17hb Jun 2010]

Whereas the President of the State Council in exercise of the powers vested upon him by section 17 of The Land Enactment 1356 has proclaimed the reservation of lands as prescribed in the Schedule below.

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be partially revoked.

Now therefore, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to partially revoke the reservation to the extent of the area as described in the Schedule below and that any person who desires to object against such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines of Perlis at an enquiry to be held at the State of Perlis Lands and Mines Office, Jalan Penjara, Kangar at 10.00 a.m. on 22 June 2010.

### JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Daerah <i>District/Locality</i>	Mukim <i>Mukim</i>	No. Pelan <i>Plan. No.</i>	No. Lot <i>Lot No.</i>	Keluasan <i>G.N.</i> <i>P.T.</i> <i>Hektar/ Hectare</i>
1.	Wang Kelian	Titi Tinggi	15	8484	3.8119
2.	Wang Kelian	Titi Tinggi	15	8645	5.000

Bertarikh 16 Jun 2010

Dated 16 June 2010

[PTG.Ps.(AD) 397. SUK.Ps. 04A/093 Sk. 1 Jld. 3]

NORAZLAN BIN YAHAYA  
*Setiausaha*  
*Dewan Undangan Negeri*  
*Perlis/*  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perlis*

**No. 41.**

(Seksyen 257 dan 263)

### PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Maslina binti Che Lin @ Halim, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 24 Jun 2010 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM79,200.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Sembilan Ribu Dua Ratus Sahaja).

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

17hb Jun 2010]

121

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada \*pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM111,097.04. Nama pemegang gadaian—CIMB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM7,920.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Ribu Sembilan Ratus Dua Puluh Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 22 Oktober 2010 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kechor. No. Lot—2000. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2156. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 447/2002.

Bertarikh 16 April 2010  
[PTG.Ps.(R) 1/80F 1759(24A)]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semu Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA